

UMS-Alpro Pharmacy jalin kerjasama tingkat peluang pekerjaan graduan pemakanan

UB 01.03.2024 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Alpro Pharmacy Sdn. Bhd. bekerjasama bagi meningkatkan peluang pekerjaan graduan program Sarjana Muda Pemakanan UMS.

Kerjasama itu dimeterai melalui memorandum perjanjian persefahaman (MoU) yang diadakan baru-baru ini.

Melalui kerjasama itu, UMS dan Alpro Pharmacy akan meluaskan kerjasama melalui kepelbagaiannya aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk latihan industri serta khidmat masyarakat dalam kalangan pelajar Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) UMS.

Ketua Program Pemakanan UMS, Dr. Norliyana Aris, berkata Alpro Pharmacy Sdn. Bhd. menjadi pilihan 40 peratus pelajar Program Pemakanan untuk menjalankan latihan industri mereka.

“Ini kerana Alpro menyediakan platform dan modul latihan yang menyeluruh untuk memastikan pelatih nutritionist bersedia memenuhi alam pekerjaan.

“Selain itu, Alpro juga secara aktif mempromosi penglibatan komuniti melal-



METERAI: Kasim (tiga kiri) dan Chong Pay Yi pada majlis pertukaran MoA yang berlangsung di Dewan Bankuasi, Dewan Canselor UMS.

ui pelbagai program promosi pendidikan pemakanan dan kesihatan yang menyasarkan pelbagai peringkat umur selari dengan skop kerja seorang pakar pemakanan,” katanya.

Tambah Norliyana, dengan lebih 260 Alpro Touch Points, farmasi Komuniti, pusat fisioterapi dan klinik

kesihatan, perjanjian persefahaman ini akan meningkatkan peluang pekerjaan bagi graduan Program Sarjana Muda Pemakanan dengan Kepujian UMS.

“UMS dan Alpro telah menjalankan beberapa aktiviti bersama sejak tahun 2022 seperti perkongsian latihan industri dan klinik pekerjaan,

Career Fair FSMP 2023, dan menandatangani perjanjian surat niat,” katanya.

Majlis pertukaran dokument MoA di antara UMS dan Alpro disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor dan Pengurus Sumber Manusia Alpro Pharmacy Sdn. Bhd. Chong Pay Yi.